

## Siap sedia menghadapi bencana?

Kejadian cuaca yang melampau boleh berlaku pada bila-bila masa di Queensland dan boleh menjelaskan anda sekeluarga di samping merosakkan harta benda. Antara kejadian ini ialah ribut yang dahsyat, banjir, siklon, gempa bumi dan kebakaran hutan.

Kita tidak mampu mengawal cuaca tetapi kita boleh bersiap sedia.

Sebelum berlakunya bencana, pastikan anda ada:

- ✓ rancangan kecemasan untuk anda sekeluarga, termasuklah haiwan peliharaan
- ✓ senarai nombor kecemasan
- ✓ insurans yang kemas kini
- ✓ kit kecemasan yang lengkap.

Untuk mendapatkan maklumat dan petua selanjutnya tentang cara bersiap sedia menghadapi bencana, layari [www.getready.qld.gov.au](http://www.getready.qld.gov.au)

## Tempat untuk mendapatkan bantuan selepas bencana

**Sokongan emosi dan amali boleh didapati daripada kerajaan dan organisasi tanpa untung untuk orang yang ditimpa bencana.**

### Sokongan peribadi dan kaunseling

Hati yang dilanda pelbagai emosi selepas kita mengalami bencana itu perkara biasa. Sokongan peribadi dan amali boleh didapati jika anda menderita dari segi emosi atau terkial-kial menghadapi hidup.

Dapatkan bantuan jika anda, ahli keluarga anda atau kawan anda:

- mengalami tekanan emosi atau psikologi
- berasa letih, lekas marah atau mendapat bahawa selera makan atau pola tidur anda berubah
- mendapat kelakuan diri anda berubah, misalnya lebih banyak meminum arak atau menggunakan dadah, ataupun suka menyepikan diri
- hanya memerlukan seseorang untuk melayan anda bercakap.

### Nombor telefon khidmat sokongan peribadi dan kaunseling

- Talian Hayat Australia (kaunseling) – **13 11 14**
- Palang Merah Australia – **1800 733 111**
- St. Vincent de Paul – **13 18 12**
- Kesihatan Queensland – **13 HEALTH (13 43 25 84)**
- Bantuan Perumahan – **13 QGOV (13 74 68)**
- Perkhidmatan Kecemasan Negeri (SES) – **13 25 00**
- Talian Bantuan Pemulihan Komuniti – **1800 173 349**

Untuk mendapatkan maklumat perhubungan perkhidmatan sokongan komuniti tempatan dan umum di tempat anda, layari [www.qld.gov.au/disasterhelp](http://www.qld.gov.au/disasterhelp) dan cari ‘sokongan komuniti regional’.

## Bantuan kewangan

**Bantuan kewangan dan perkhidmatan sokongan boleh didapati jika anda ditimpa bencana.**

Bantuan disediakan melalui Aturan Pembiayaan Pemulihan Bencana (DRFA) yang dibiayai bersama oleh pihak Komanwel dan kerajaan Negeri.

### Bantuan Kewangan\*

- ✓ **Bantuan Menghadapi Kesusahan Kecemasan** – membantu orang yang berada di kawasan bencana dengan keperluan yang segera dan mendesak, misalnya makanan, pakaian dan ubat.
- ✓ **Bantuan Kewangan untuk Kandungan Asas Rumah** – membantu orang di kawasan bencana yang tidak dilindungi insurans atau yang tidak dapat menuntut insurans untuk menggantikan kandungan asas rumah.
- ✓ **Bantuan Kewangan untuk Keselamatan dan Penyambungan Semula Perkhidmatan Asas** – membantu orang di kawasan bencana untuk menyambungkan semula perkhidmatan asas, misalnya elektrik, gas, air dan sistem pembetungan atau pembuangan najis.
- ✓ **Bantuan Kewangan untuk Menghadapi Kesusahan Perkhidmatan Asas** – membantu orang yang terjejas secara langsung oleh bencana untuk memenuhi keperluan segera apabila satu atau beberapa perkhidmatan asas terputus melebihi lima hari.
- ✓ **Bantuan Kewangan Struktur** – membantu orang di kawasan bencana untuk membaiki rumah mereka agar selamat didiami.

\*Tertakluk kepada syarat kelayakan

Untuk menentukan bantuan kewangan yang boleh didapati di kawasan anda dan menyemak kelayakan anda, layari [www.qld.gov.au/disasterhelp](http://www.qld.gov.au/disasterhelp)

### Maklumat selanjutnya

Kerajaan Queensland menawarkan perkhidmatan jurubahasa untuk menyampaikan maklumat mengenai bencana, bantuan kewangan atau sokongan dalam bahasa anda.

Telefon **1800 512 451** dan mohon jurubahasa dalam bahasa pilihan anda atau hubungi Talian Bantuan Pemulihan Komuniti melalui talian **1800 173 349**.

